

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 OCTOBER 2016

Dr. Fauziah diharap terus bela nasib rakyat Palestin *UM - 19/10/2016*

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berharap wakil tunggal Malaysia dalam misi kemanusiaan 'Women's Boat to Gaza' (WBG), Dr. Fauziah Mohd. Hasan agar meneruskan perjuangan membela nasib warga Palestin.

Perkara itu disampaikan ketika beliau menerima kunjungan hormat Dr. Fauziah di pejabatnya di Menara Parlimen hari ini.

Turut hadir pada kunjungan itu Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pertubuhan Humanitarian Care Malaysia (MyCare), Prof Madya Dr. Hafidzi Mohd. Noor.

Dr. Fauziah kemudiannya

memberitahu pemberita bahawa dalam pertemuan itu, Najib turut menyatakan sokongan terhadap usaha membantu rakyat Palestin yang ditindas rejim Zionis.

"Perdana Menteri pernah sampai ke Gaza dan isu Palestin sememangnya dekat di hati beliau," katanya.

Dr. Fauziah turut melahirkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri dan pihak kerajaan kerana memberi sokongan kepada diri dan keluarganya ketika ditawan tentera Zionis.

Beliau ditahan tentera Israel bersama 10 anggota misi WBG yang lain semasa menaiki kapal

Zaytouna-Oliva menuju Gaza pada 5 Oktober lalu.

Kapal misi kemanusiaan anjuran Freedom Flotilla Coalition itu kemudiannya ditunda ke Pelabuhan Ashdod.

Sementara itu, Dr. Fauziah berkata, Freedom Flotilla Coalition mahu Malaysia mengambil peranan menjalankan misi bantuan ke Gaza pada masa hadapan.

"Mereka mengetahui kerajaan dan rakyat Malaysia memberi sokongan yang amat kuat kepada misi bantuan kepada rakyat Palestin dan mahu kita menganjurkan misi kemanusiaan yang akan datang," katanya. - BERNAMA



NAJIB TUN RAZAK mendengar cerita dan pengalaman Dr. Fauziah Mohd. Hasan ketika menerima kunjungan hormat wakil Malaysia dalam misi kemanusiaan 'Women's Boat to Gaza' itu di pejabatnya di Menara Parlimen, semalam. Turut hadir Dr. Hafidzi Mohd. Noor. - BERNAMA